



DASAR BELIA
NEGERI KELANTAN

D
A
S
A
R

B
E
L
I
A

DASAR BELIA NEGERI KELANTAN

Golongan belia merupakan golongan majoriti daripada keseluruhan penduduk negeri Kelantan. Belia merupakan aset penting yang akan menentukan kemajuan dan pembangunan negeri dan Negara. Sesungguhnya peranan belia dalam Islam sangat besar. Sejarah telah membuktikan betapa peranan belia telah menjayakan beberapa misi dakwah, politik dan gerakan sosial. Sesuai dengan tanggungjawab yang besar menanti golongan belia sebagai pewaris kepimpinan ummah, maka belia hari ini hendaklah dimantapkan dari segi Aqidah dan Akhlaknya. Kerajaan Negeri Kelantan yang berslogarkan Membangun Bersama Islam telah merangka satu dasar belia bagi memenuhi tuntutan tersebut.

DASAR

Dasar Belia Kelantan meletakkan Islam sebagai teras utama, yang bertujuan untuk membentuk dan membina jati diri generasi belia yang perlaza, berteraskan ilmu, iman, akhlak dan keterampilan kearah kegemilangan ummah.

MATLAMAT DASAR

Dasar Belia Negeri Kelantan digubal bermatlamat untuk membentuk dan membina golongan belia yang mencapai tahap kemajuan dan kecemerlangan yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat Kelantan dan Ummah berpandukan cara hidup yang mulia, melalui penghayatan asas-asas ketuhanan dan pengamatan nilai-nilai yang murni dalam segala bidang kehidupan.

Dasar ini bermatlamat untuk melahirkan belia yang akan mempelopori, mengisi dan menjana perubahan, seterusnya menjadi pewaris kepada kepimpinan. Untuk itu mereka haruslah mempunyai nilai-nilai yang diperlukan sebagai pra syarat untuk menjadi belia yang bersifat al-Qawiyyul Amin, iaitu, belia yang mempunyai kekuatan aqidah dan fizikal, keunggulan peribadi, keluasan ilmu dan kekuatan daya fikir, keberanian kerana benar, berhikmah, beramanah, keterbukaan, berketerampilan dan berjiwa besar.

STRATEGI

Bagi merealisasikan matlamat dasar belia negeri, dan memastikan pelan pembangunan belia dapat dilaksanakan secara cekap dan sistemetik, Kerajaan Negeri telah mengambil dua pendekatan, iaitu ;

1. Menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras Dasar Belia Negeri Kelantan.

Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk mengenalpasti dasar-dasar Kerajaan Negeri yang boleh dikaitkan dengan belia, menentukan agensi kerajaan yang akan terlibat sebagai penyelaras dan pelaksana program belia, mengintegrasikan agensi kerajaan, NGO dan pertubuhan belia agar selari dengan dasar Kerajaan dan juga sebagai pasukan pemantau bagi setiap program belia yang dijalankan.

2. Pendekatan Bersepadu Strategi pelaksanaan Program dan Aktiviti Belia.

Beberapa pendekatan telah dirancang dalam bentuk program dan strategi pendekatan bersepadu iaitu:

- i. Program dan aktiviti Pembinaan Diri dan Kepimpinan — melalui program seperti:-
- ii. kursus Fardhu Ain, Khemah Ibadah, pengurusan jenazah, Khemah Latihan, Hari Belia Kelantan, program rekreatif, sukan dan ekspedisi dan lain-lain program yang difikirkan perlu.
- iii. Program dan aktiviti Pembangunan Ekonomi dan Sosial — melalui kursus penternakan, usahawan dan perniagaan, pertanian, perikanan, tabung belia niaga, aktiviti hiburan kesenian dan kebudayaan Islam, aktiviti mempertahankan diri dan lain-lain aktiviti yang difikirkan perlu.
- iv. Program dan aktiviti Pembangunan Ummah — melalui seminar, kursus bina iman, bina insan, pupuk aqidah, motivasi gotong royong, pemimpin bersama rakyat dan lain-lain program difikirkan perlu dan sesuai.

PROGRAM BELIA YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN

1. Tamrin kepada Belia seluruh 14 Kawasan Parlimen di Pusat Latihan Belia
2. Program Motivasi Belia
3. Pesta Sukan dan Persembahan Kebudayaan
4. Mukhayyam Tarbawi
5. Kursus Kepimpinan Belia
6. Khidmat Masyarakat (Baktasiswa)
7. Konvensyen Siswazah Kelantan di Kuala Lumpur
8. Lawatan Sambil Belajar
9. Pertandingan Bola Sepak di peringkat DUN dan Parlimen
10. Seminar Kepimpinan Belia
11. Kembara Bermotosikal ke Terengganu
12. Kembara Berakit merentasi Sungai Kelantan
13. Persembahan Kebudayaan dan Motivasi Belia (Gema Belia Kelantan)
14. Kem Jati Diri dan Kepimpinan Pelajar
15. Konvensyen Belia Kelantan
16. Ashabul Masjid
17. Program Belia Bemasalah

